

**PEMAHAMAN KONSEP *RAHMAH* DALAM ISU  
MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA: ANALISIS  
PENDIRIAN GERAKAN DAKWAH IKRAM DAN ISMA**  
(Understanding the Concept of Compassion in the Issue of the Pluralistic Society  
in Malaysia: An Analysis of the Missionary Movement Stand of IKRAM  
and ISMA)

<sup>1</sup> MUHAMMAD HAIKAL MOHD HEDZIR

<sup>1</sup> MUHAMMAD ARIF YAHYA

<sup>1</sup> Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

---

**ABSTRAK**

Konsep *rahmah* dalam masyarakat majmuk merupakan salah satu isu yang dibincangkan dalam gerakan dakwah di Malaysia terutamanya bagi Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Kedua-dua gerakan ini mempunyai pendekatan yang berbeza berkaitan konsep *rahmah* dalam dakwah kepada bukan Muslim di Malaysia. Justeru kajian ini menganalisis pemahaman konsep *rahmah* oleh IKRAM dan ISMA berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang membincangkan konsep tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan analisis terhadap penulisan rasmi kedua-dua gerakan serta temu bual beberapa pemimpin kedua-dua gerakan ini dalam mendapatkan pemahaman terhadap konsep *rahmah* tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa IKRAM melihat konsep *rahmah* kepada bukan Muslim sebagai suatu peluang untuk dijadikan landasan berdakwah kepada bukan Muslim. Manakala ISMA pula melihat konsep *rahmah* kepada bukan Muslim dengan pendekatan yang lebih berhati-hati agar tidak disalah tafsir penggunaannya dalam konteks hubungan Muslim kepada bukan Muslim.

**Kata kunci:** Konsep *rahmah*; bukan Muslim; IKRAM; ISMA; pendirian gerakan dakwah

## ABSTRACT

*Both IKRAM (Pertubuhan IKRAM Malaysia) and ISMA (Ikatan Muslimin Malaysia) have different stands with regards to the issue of compassion in their missionary movement. Both movements have different and obvious stands about the issue of compassion, although both carry the name of Islam as the main pillar of their fight. In assessing the issue of the pluralistic society in Malaysia, IKRAM and ISMA are also seen as different in providing solutions, particularly on issues involving the non-Muslims. Hence, this study analyse the understanding of the concept of compassion as understood by both missionary movements, as well as how IKRAM and ISMA have been very persistent in determining their stand on the issue. This study uses qualitative methods by analysing the writings and interview of the movements' leadership figures. The findings of the study find that IKRAM sees the issue of compassion towards the non-Muslims as an opportunity for preaches or missionary efforts to be made to the non-Muslims. ISMA, on the other hand, sees the concept of compassion to the non-Muslims with very carefully method and disagrees if the concept of compassion is misused in the context of the Muslims' relationship with the non-Muslims.*

**Keywords:** *The concept of compassion; non-Muslims; IKRAM; ISMA; missionary movement stand*

## PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menganjurkan sifat kasih sayang sesama manusia. Bahkan di dalam surah al-Hujurat ayat 13, Allah SWT menegaskan bahawa umat manusia perlu saling berkenal-kenalan dan beramah mesra di antara satu sama lain meskipun berbeza bangsa dan suku. Sifat kasih sayang sesama manusia juga bertepatan dengan maksud perkataan Islam itu sendiri yang berasal dari perkataan 'salama' iaitu sejahtera. Kasih sayang dan sejahtera merupakan satu kombinasi penting yang boleh dijadikan sebagai penawar dalam mengharmonikan masyarakat. Hal ini kerana sifat kasih sayang dan kesejahteraan merupakan dua nilai yang disepakati oleh semua kaum dan agama untuk dicapai tanpa wujudnya sikap diskriminasi daripada mana-mana pihak.

### Konsep *Rahmah* dalam Islam

Islam merupakan sebuah agama yang menganjurkan umatnya agar bersifat *rahmah*. *Rahmah* yang berasal dari kata dasar 'rahima-yarhamu-rahmah' juga bererti kasih sayang dan disebut berulang kali di dalam *al-Quran*. Bahkan Allah SWT sendiri

menyifatkan diri-Nya dengan sifat *rahmah*. Merujuk kepada kitab *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*, perkataan *rahmah* telah disebut sebanyak 142 kali di dalam al-Quran (Muhammad Fuad Abd al-Baqi 2001). Hal ini menunjukkan betapa Allah sangat menitikberatkan sifat *rahmah* atau pun kasih sayang di dalam diri umat Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am 6: 12 yang bermaksud:

Katakanlah, kepunyaan siapakah apa yang ada di langit dan di bumi?  
Katakanlah: Kepunyaan Allah. Dia telah menetapkan atas diri-Nya kasih sayang. Dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu pada hari kiamat, yang tidak ada keraguan terhadapnya. Orang-orang yang merugikan dirinya, mereka itu tidak beriman.

Allah menyifatkan diri-Nya dengan sifat *rahmah* atau kasih sayang kepada semua hamba-Nya dalam ayat tersebut. Sudah semestinya Allah menuntut agar manusia yang merupakan hamba-Nya menyemai sifat ini ke dalam diri mereka. Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW mengatur hidup manusia dan mengawal hubungan antara sesama manusia serta hidupan lain di bumi agar tidak wujud pertelingkahan sesama mereka. Selain itu, Islam juga mengajar bagaimana seharusnya seorang manusia itu melayani atau berhadapan dengan manusia yang lain dengan penuh hikmah dan kasih sayang supaya kebaikan dapat disebarkan. Terdapat sebuah hadis yang menggambarkan akan luasnya *rahmah* Allah sehingga satu peratus daripada *rahmah* yang dimiliki oleh Allah itu dapat dibahagikan di antara makhluk-makhlukNya di bumi. Hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW bersabda “Sesungguhnya Allah mempunyai seratus *rahmah*. Allah hanya menurunkan satu *rahmah* untuk dibahagikan di antara jin dan manusia serta semua binatang. Maka dengan sebab satu itulah mereka saling mengasihani dan berkasih sayang, dan dengan sebabnya binatang buas mengasihi anaknya. Dan Allah menunda (pemberian) sembilan puluh sembilan *rahmah* lagi yang akan mengasihi hamba-hamba-Nya pada hari Kiamat” (Hadis riwayat Muslim, no. 2752).

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa *rahmah* adalah merupakan aspek penting di dalam Islam dan dikaitkan dengan sifat Allah yang diberikan kepada makhluk-Nya termasuk kepada binatang. Sifat *rahmah* dan kasih sayang ini perlu ada dalam diri manusia dan ditekankan supaya berakhlak dengan sifat *rahmah* ini berdasarkan hadis berikut yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Amr katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda “Orang yang mengasihi akan dikasihi oleh Allah, kasihanilah penduduk di bumi nescaya kamu akan dikasihi oleh penduduk di langit...” (Hadis riwayat Tirmidhi, no. 1924).

Selain itu, Rasulullah SAW diutuskan sebagai *rahmat* kepada seluruh alam melalui ajaran yang dibawa oleh Baginda berdasarkan ayat al-Qurandalam surah al-Anbiya' 21: 107 yang bermaksud:

Kami tidak mengutus engkau, Wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat bagi seluruh manusia.

Menurut Imam Ibn Jarir al-Tabari (2011), ahli tafsir berbeza pandangan dalam menafsirkan ayat ini. Adakah seluruh manusia termasuk golongan yang beriman dan juga kafir mendapat rahmat daripada utusan Nabi SAW ini atau hanya orang yang beriman sahaja? Sebahagian ahli tafsir berpandangan bahawa termasuk orang kafir mendapat rahmat daripada utusan Nabi Muhammad SAW ini dengan didasari riwayat daripada Ibn Abbas r.a berikut dalam mentafsirkan ayat ini dengan bermaksud:

Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat akan ditetap baginya rahmat di dunia dan di akhirat. Namun sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya (bentuk rahmat bagi mereka) ialah tidak ditimpa musibah sepertimana ditimpa ke atas umat yang terdahulu dengan ditenggelamkan atau ditimpa gelombang besar (Hadis riwayat al-Tabrani, no. hadis 12385).

Manakala pandangan ahli tafsir yang lain berpandangan bahawa *rahmah* hanya kepada golongan yang beriman dengan berdalilkan riwayat berikut sebagai hujjah yang bermaksud:

Beliau (dengan perutusan Nabi SAW), ada yang mendapat bencana dan ada yang mendapat rahmat, dan di dalam ayat ini didatangkan dengan sifat yang umum, iaitu sebagai rahmat bagi seluruh manusia. Seluruh manusia yang dimaksudkan di sini adalah mereka yang beriman kepada Baginda SAW, membenarkannya dan mentaatinya (Hadis riwayat al-Tabari di dalam Tafsir al-Tabari juzuk 16: 441).

Menurut Ibn Jarir al-Tabari, pendapat yang lebih tepat bagi kedua-dua pandangan tersebut ialah pendapat pertama dengan riwayat daripada Ibn Abbas r.a iaitu diutusnya Rasulullah SAW adalah sebagai rahmat kepada seluruh manusia termasuk yang beriman dan di kalangan mereka yang tidak beriman. Adapun rahmat bagi mereka yang beriman ialah mendapat hidayah daripada perutusan Baginda SAW dengan kehidupan beragama di dunia dan mendapat balasan Syurga di akhirat kelak. Manakala rahmat kepada mereka yang tidak beriman ialah mereka tidak disegerakan azab sepertimana umat terdahulu dengan balasan azab yang dahsyat dan mengerikan (Ibn Jarir al-Tabari 2011).

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan dapat disimpulkan bahawa konsep *rahmah* di dalam Islam adalah merupakan konsep besar yang berasaskan

kepada ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Selain itu, konsep *rahmah* dalam Islam juga mempunyai maksud dan pendekatan yang bersesuaian dengan kategori sama ada kepada Muslim atau kepada bukan Muslim. Malah pendekatan terhadap makhluk binatang juga mempunyai pendekatan *rahmah* yang menzahirkan Islam sebagai agama yang menyebarkan kasih sayang dan keamanan di atas muka bumi ini.

### **Masyarakat Majmuk di Malaysia**

Rakyat hidup dalam suasana masyarakat majmuk sejak puluhan tahun yang lalu di Malaysia. Ia adalah keadaan yang mana terdapat beberapa masyarakat yang tinggal sebelah menyebelah dalam satu unit komuniti yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri (Mohd Anuar Ramli 2011). Hidup dalam suasana majmuk menimbulkan persekitaran yang harmoni dan seimbang. Hal ini kerana masyarakat dapat mempelajari erti menerima kepelbagaian di dalam kehidupan, seterusnya menjauhi sifat taksub dan melampau dalam mencintai sesuatu bangsa. Selain itu, dengan keamanan dan kedamaian masyarakat majmuk dapat melahirkan kestabilan yang baik dari sudut politik, ekonomi dan sosial (Shamsul Amri Baharuddin 2012).

Jika dilihat kepelbagaian masyarakat di Malaysia, kajian telah dibuat dan mendapati bahawa Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik yang pelbagai. Jumlah tersebut boleh mencecah sehingga lebih 200 kumpulan termasuk yang mewakili sub etnik, kumpulan bahasa dan dialek (Shamsul Amri Baharuddin 2012). Namun begitu, apabila sesebuah masyarakat hidup di dalam kepelbagaian dan berlakunya interaksi sesama mereka, sudah menjadi hukum alam untuk wujudnya perselisihan faham dan timbulnya isu-isu yang melibatkan masyarakat yang pelbagai termasuklah isu masyarakat Islam serta bukan Islam.

Isu yang membimbangkan muncul berkaitan dengan masyarakat Islam dan bukan Islam antaranya ialah isu tuntutan dari Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Malaysia atau *Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO)*, isu penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian dan pelbagai lagi. Kemuncak kepada isu yang berlaku ini adalah dalam tempoh Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 dan ke-13 iaitu sekitar pada tahun 2009-2013. Masyarakat bukan Islam dan golongan yang memperjuangkan liberalisme dalam tempoh ini juga semakin lantang bersuara dan menuntut hak masing-masing dengan bertopengkan perjuangan hak asasi manusia (Muhammad Arif Yahya 2015).

Bagi menghadapi pelbagai isu yang berlaku, banyak gerakan dakwah tampil bagi mendepani masyarakat dan memberi reaksi serta pandangan terhadap isu-isu tersebut. Gerakan dakwah yang dikhususkan di dalam kajian ini adalah daripada Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Kedua-dua gerakan dakwah ini tampil dan lantang bersuara terhadap pelbagai isu yang berlaku dan mempunyai reaksi serta pendekatan yang berbeza di antara satu dengan yang lain berdasarkan landasan perjuangan dan tujuan penubuhan gerakan tersebut di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan latar belakang gerakan dakwah IKRAM dan ISMA serta pendirian mereka terhadap konsep *rahmah* terutamanya berkenaan isu-isu politik semasa di Malaysia.

### **Latar Belakang Pertubuhan IKRAM Malaysia**

Pertubuhan IKRAM Malaysia merupakan sebuah gerakan dakwah yang ditubuhkan secara rasmi pada 22 Oktober 2009 dan dilancarkan pada 20 Jun 2010. Sebelum IKRAM ditubuhkan, gerakan ini sebelumnya dikenali sebagai Jamaah Islah Malaysia (JIM). JIM telah ditubuhkan pada 27 Julai 1990 dengan tujuan untuk memperbaiki atau mendidik masyarakat di Malaysia (Norazlan Hadi Yaacob 2015). JIM dibubarkan dan digantikan dengan IKRAM dengan tujuan ingin menyepadukan sumber-sumber organisasinya di bawah organisasi baru (Muhammad Arif Yahya 2015). Pelajar Malaysia yang dihantar ke luar negara pada sekitar tahun 1970-an merupakan aset yang sangat penting dalam membawa pulang ke Malaysia pengaruh gelombang kebangkitan Islam oleh gerakan Islam di luar negara seperti *Ikhwanul Muslimin* pimpinan Hassan Al-Banna dan juga *Jama'at Islami* yang dipimpin oleh Abu A'la al-Maududi.

Mereka mendapat pendedahan dakwah dan tarbiah semasa belajar di sana dan usaha tersebut telah mereka lanjutkan ke dalam negara sesudah pulang dan bekerja serta berkeluarga (Mohd Parid Sheikh Ahmad 2015). Seiring dengan perubahan masa, medan tersebut telah berkembang luas dan telah mencakupi pelbagai bidang baru yang diceburi. Hasil daripada penglibatan-penglibatan mereka dalam pelbagai medan tersebut, lahirlah beberapa agensi dan organisasi yang ditubuhkan untuk menampung dan menjalankan aktiviti mereka dengan lebih dinamik dan tersusun. Dengan lahirnya agensi yang pelbagai dan mencakupi segenap aspek dalam pembangunan masyarakat, timbul satu keperluan untuk mewujudkan sebuah organisasi yang dapat memayungi semua institusi dan agensi yang sedia ada. Maka, akhirnya telah wujud satu organisasi induk yang ditubuhkan secara rasmi yang diberi nama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM).

## **Latar Belakang Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)**

Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) telah ditubuhkan pada tahun 1997 dengan menggunakan nama Ikatan Siswazah Muslimin Malaysia. Pada ketika itu, ISMA bergerak sebagai NGO yang membawa nama Islam sebagai tunjang perjuangan mereka. Presiden pertamanya adalah Dr. Abdul Hadi Abd Rahman yang ketika itu membawa idea perjuangan Melayu kelas pertengahan (Abdullah Zaik Abdul Rahman 2017). Setelah berlalu masa, ISMA semakin berkembang dan keahliannya semakin bertambah. Dengan berkembangnya dakwah ISMA di Malaysia, keahlian ISMA bukan hanya terhad untuk para siswazah sahaja malah turut dibuka kepada semua masyarakat umum (Abdullah Zaik Abdul Rahman 2017). Pada tahun 2005, nama Ikatan Siswazah Malaysia (ISMA) telah bertukar kepada Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

Seperti gerakan dakwah yang lain, ISMA turut mempunyai slogan yang menjadi simbol mereka. Slogan ISMA dalam menggerakkan dakwahnya sebelum PRU ke-12 ialah ‘Membina Generasi Harapan’. Namun, setelah berlalu PRU ke-12, telah muncul pelbagai isu di Malaysia terutamanya berkaitan dengan politik dan hubungan dengan bukan Islam. Justeru, ISMA mula mengubah slogan dakwah mereka dengan memperkenalkan dua slogan baru mereka iaitu ‘Melayu Sepakat Islam Berdaulat’ dan ‘Membina Umat Beragenda’ (Muhammad Arif Yahya 2015).

ISMA telah memperkenalkan slogan ‘Melayu Sepakat Islam Berdaulat’ bagi menyeru bangsa Melayu Islam bersatu mendaulatkan agama Islam di bumi Malaysia. Menurut Presiden ISMA, bangsa Melayu merupakan bangsa yang paling berpengaruh dan juga majoriti dalam kalangan ummah Islam di Malaysia. Menurut beliau, perkara tersebut menjadi suatu keutamaan bagi bangsa Melayu untuk bersatu demi memperkuatkan lagi ummah Islam di Malaysia dan menegakkan kemuliaan untuk ummah Islam (Abdullah Zaik Abdul Rahman 2017).

Kemudian, muncul pula slogan yang juga diperkenalkan oleh ISMA iaitu ‘Membina Umat beragenda’ untuk menyeru umat Islam di Malaysia agar cakna terhadap dua perkara. Perkara yang pertama ialah umat Islam perlu berwaspada dengan agenda musuh Islam yang ingin merosakkan akidah umat Islam di Malaysia. Manakala perkara yang kedua ialah umat Islam mestilah memelihara identiti Islam itu sendiri serta perlu merancang agenda yang tersendiri bagi menangkis agenda musuh-musuh Islam. ISMA menumpukan dakwah mereka dalam kerangka persepakatan di antara bangsa Melayu yang beragama Islam yang sedang berpecah-belah serta menganjurkan supaya mempunyai agenda yang jelas ketika menilai sesuatu isu yang berlaku di Malaysia (Abdullah Zaik Abd Rahman 2017).

### **Konsep *Rahmah* menurut IKRAM**

Pertubuhan IKRAM Malaysia amat menekankan konsep *rahmah* di dalam pendekatan dan matlamat perjuangan yang digariskan dalam pertubuhan ini. Hal ini dapat dibuktikan melalui slogan yang seringkali dilaungkan oleh IKRAM khususnya selepas Perhimpunan Tahunan IKRAM pada tahun 2015 dengan slogan ‘Memacu Perubahan Malaysia *Rahmah* Berasaskan *Maqasid Syariah*’ (Mohd Parid Sheikh Ahmad 2015).

Ucapan dasar Presiden IKRAM di Perhimpunan Tahunan ahli IKRAM pada tahun 2015 menyatakan dengan jelas beberapa ciri negara *rahmah* yang telah digariskan oleh IKRAM. Konsep *rahmah* yang ditekankan dalam IKRAM ialah keperluan mewujudkan suasana harmoni dan hubungan yang baik sesama penganut agama kearah mencapai kemaslahatan dan keharmonian dalam negara (Mohd Parid Sheikh Ahmad 2015).

IKRAM melihat *rahmah* adalah milik semua lapisan golongan masyarakat termasuk kepada yang bukan Muslim (Zaid Kamaruddin 2017). Masyarakat yang memperoleh kebaikan dapat membentuk sebuah negara yang harmoni. Semua ini bermula daripada individu yang memahami konsep *rahmah* dengan kefahaman yang jitu bahawa kebaikan itu mestilah disebarikan kepada semua. Surah al-Mumtahanah 60: 8, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Berdasarkan ayat tersebut, Allah telah memerintahkan hamba-Nya supaya sentiasa berbuat baik dan bersifat *rahmah* kepada semua termasuklah terhadap golongan bukan Muslim selagi mana golongan tersebut tidak memerangi dan menzalimi umat Islam (Mohd Hafiz Daud 2013). Menurut Maznah Daud, perkara ini dapat dilihat melalui contoh yang ditunjukkan oleh Asma’ binti Abu Bakar yang sentiasa menziarahi dan berbuat baik terhadap ibunya yang bukan Islam (Maznah Daud 2017). Hal ini menunjukkan suatu interaksi antara golongan Muslim terhadap bukan Muslim yang seharusnya ditekankan oleh golongan Muslim agar sentiasa bersifat *rahmah* bagi tujuan menyebarkan kebaikan dan dakwah.

IKRAM melihat dengan bersifat *rahmah* kepada golongan bukan Muslim dapat membuka ruang dakwah yang besar dengan cara berinteraksi bersama mereka (Maznah Daud 2017). Menurut Maznah Daud lagi, kebaikan Islam atau



*fikrah Islamiyah* dapat disebarkan kepada golongan bukan Muslim melalui cara yang terbaik apabila wujud ruang interaksi bersama golongan bukan Muslim ini. Sebagai contoh, sebagaimana yang berlaku di dalam isu COMANGO, IKRAM telah mengambil pendekatan yang berbeza berbanding pendekatan yang dilakukan oleh ISMA. IKRAM mengambil pendekatan untuk menjalinkan hubungan baik dengan kumpulan-kumpulan yang terlibat dengan gabungan COMANGO ini. Hal ini kerana IKRAM melihat dengan membina ikatan dan hubungan baik dengan kumpulan ini, akan membuka pintu ruang dakwah dengan mereka dan wujud peluang untuk IKRAM menyampaikan mesej serta prinsip Islam yang sebenar kepada mereka (Zaid Kamaruddin 2017).

Walaupun bagaimanapun, dengan ikatan yang dilakukan oleh IKRAM, tidak bermakna IKRAM bersetuju sepenuhnya dengan apa yang diperjuangkan oleh mereka. Akan tetapi, IKRAM masih berpegang dengan prinsip dan pendirian disamping bergaul bersama kumpulan bukan Islam tersebut (Burhanuddin Lukman 2017). IKRAM melihat usaha sebegini yang dilakukan merupakan suatu pendekatan yang lebih bersifat *rahmah* dan membawa kebaikan kepada pengembangan dakwah walaupun kumpulan tersebut melakukan suatu penentangan daripada sudut zahir yang ditunjukkan.

Berdasarkan pendirian yang dibawa oleh IKRAM, terdapat segolongan pihak yang bersetuju dengan pembawaan IKRAM ini dan terdapat segolongan pihak yang tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut. Golongan yang tidak bersetuju ini berpendapat bahawa IKRAM terlalu berlemah lembut dengan golongan liberal dan bukan Islam sehinggakan mereka bersikap melampaui batas terhadap umat Islam serta berani mempersoalkan pelbagai isu melibatkan umat Islam. Menurut IKRAM, berbuat baik serta melakukan hubungan tidak bererti bersetuju sepenuhnya dengan apa yang dibawa oleh mereka, sebaliknya keterlibatan tersebut digunakan sebaiknya sebagai peluang untuk berdakwah dan menyampaikan Islam kepada mereka (Maznah Daud 2017). IKRAM bertoleransi dengan mereka pada perkara yang dibolehkan untuk bertolak ansur. Namun, toleransi tersebut bukan pada aqidah, kerana IKRAM juga mempunyai prinsip seperti mana prinsip Islam yang perlu dipegang.

Selain itu, dalam mengaplikasikan konsep *rahmah* kepada semua, IKRAM mengorak langkah dalam menunaikan konsep tersebut melalui media sosial. IKRAM telah mewujudkan TV Ikram dan radio internet ‘Harmoni FM’ yang boleh didapati melalui aplikasi telefon pintar dan boleh dimuat turun oleh semua golongan masyarakat. Di samping itu, IKRAM juga telah melaksanakan pelbagai program dan rancangan yang membawa tema *rahmah*. Di antara rancangan yang menarik ialah ‘Kapsul *Rahmah*’, iaitu sebuah rancangan atau segmen bagi menyebarkan kefahaman Islam yang *rahmah* dalam rancangan radio Harmoni FM dan TV Ikram.

Dalam pada itu, Wanita IKRAM juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan konsep *rahmah* kepada semua. Melalui agensi dibawahnya, IKRAM Junior telah menetapkan ahli-ahlinya untuk melaksanakan *key performance indicator* (KPI) yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya diadakan satu program silang budaya yang melibatkan kanak-kanak bukan Muslim dalam masa setahun (Maznah Daud 2017). Hal ini bagi memastikan *rahmah* atau kebaikan Islam itu dapat dirasai oleh semua seterusnya menjadi satu medan dakwah terhadap bukan Muslim di Malaysia. Selain itu, Wanita IKRAM juga sering mengunjungi dan dikunjungi oleh NGO yang terdiri daripada pelbagai jenis agama dan bangsa bagi mengukuhkan hubungan dan perkenalan sesama mereka. Mengikut data yang telah diperolehi, dalam tempoh 2015-2016, Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia telah diziarahi oleh All Women's Action Society (AWAM), Sisters In Islam (SIS) dan beberapa lagi NGO lain. Hal ini bagi memastikan wujudnya satu ruang untuk berlaku perbincangan dan dialog seterusnya suara dan prinsip Islam dapat diperkenalkan serta disebarluaskan kepada mereka (Maznah Daud 2017).

Selain itu, Hidayah Centre Foundation yang juga merupakan salah satu rangkaian daripada agensi di bawah IKRAM, sering melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan bukan Muslim seperti majlis sambutan Tahun Baru Cina dan majlis terbuka puasa bagi membina hubungan yang baik. Setiap tahun, majlis terbuka puasa diadakan bagi meraikan saudara-saudara baru dan turut dijemput sahabat-sahabat bukan Muslim untuk disampaikan sumbangan serta bantuan kepada mereka (Tajul Arifin Che Zakaria 2017).

### **Konsep *Rahmah* menurut ISMA**

Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) mempunyai sudut pandang yang berbeza jika dibandingkan dengan IKRAM berkaitan konsep *rahmah*. ISMA melihat bahawa konsep *rahmah* tidak boleh disalahgunakan dan disalahertikan oleh mana-mana pihak. Sepertimana yang ditulis oleh salah seorang kolumnis ISMA di dalam laman sesawang *ismaweb.net* yang bertajuk '*Henti salah guna konsep Islam agama rahmah, Rahmatan lil alamin*' (Mohd Firdaus Salleh Hudin 2016). Beliau menyangkal sebahagian golongan yang terlalu longgar dalam menggunakan konsep *rahmah* atau menafsirkannya dengan pendekatan hermeneutika liberal sehingga tindakan tersebut menggadaikan prinsip Islam dan membawa masyarakat Islam ke arah kebebasan yang terlampau seterusnya jauh dengan agama Islam. (Resolusi Simposium Siasah Syariyyah Majlis Ulama ISMA 2017). ISMA bersetuju bahawa konsep *Rahmah* tersebut adalah merupakan prinsip al-Quran berdasarkan ayat 107 daripada Surah al-Anbiya dan dianggap sebagai prinsip yang bersifat *universal* ('*alamiyyah*') termasuk *rahmah* kepada makhluk Allah yang lain. Namun begitu, penggunaan prinsip tersebut

dengan tafsiran yang longgar terutamanya pendekatan hermeneutika liberal yang tidak dipersetujui oleh ISMA. Oleh yang demikian, ISMA lebih melihat pendekatan pengukuhan akidah dalam kalangan umat Islam perlu diperhebatkan bagi mengelak daripada terpengaruh dengan ancaman pemikiran liberal yang mencairkan identiti dan jati diri umat Islam itu sendiri (Resolusi Simposium Siasah Syariyyah Majlis Ulama ISMA 2017).

Selain itu, pendekatan IKRAM lebih menggunakan konsep *rahmah* tersebut sebagai slogan dakwah mereka namun tidak bagi ISMA yang lebih menfokuskan bangsa Melayu kearah pembentukan umat Melayu Muslim yang beragenda. Slogan yang dibawa oleh ISMA ini mempengaruhi pendekatan dakwah mereka yang lebih melihat isu agenda bukan muslim yang perlu diambil sikap yang lebih berhati-hati oleh umat Islam (Muhammad Arif Yahya 2015). Bagi ISMA, perlu bersikap tegas dengan golongan liberal dan bukan muslim yang memusuhi Islam demi menjaga kesucian akidah umat Islam daripada dirosakkan atau dipengaruhi oleh golongan-golongan tersebut. Menurut pandangan Ketua Wanita ISMA, '*rahmatan lil 'alamin*' seperti yang Allah sebutkan di dalam surah al-Anbiya ayat ke-107 adalah untuk mereka yang mengambil risalah Islam dan dibawa oleh Rasulullah SAW sahaja. Manakala mereka yang menolak risalah Islam, tidak akan mendapat *rahmah* atau kebaikan dari Islam itu sendiri (Norsaleha Mohd Salleh 2017). Hal ini kerana *rahmah* itu hanya dibawa oleh risalah Islam dan hanya terpakai ketika mana risalah tersebut diterima serta dijadikan sebagai sandaran mahupun rujukan dalam kehidupan.

Berdasarkan pendekatan ISMA terhadap konsep *rahmah* menggambarkan bahawa pendekatan dakwah juga perlu dengan sifat ketegasan dan bukan bermaksud perkara tersebut menyalahi konsep *rahmah*. Terdapat beberapa contoh yang boleh dikemukakan bagi menunjukkan bahawa ISMA amat berwaspada dengan agenda bukan Muslim yang dilihat sebagai menolak risalah Islam di Malaysia ini. Contohnya di dalam isu COMANGO, ISMA memilih untuk bersikap tegas dan menentang gabungan tersebut. Antara usaha yang dilakukan oleh ISMA adalah dengan menyertai Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam Dalam Proses melihat Semakan Berkala Sejagat (Muslim UPRo) untuk membantah COMANGO di Geneva, Switzerland (Anon 2013). ISMA juga mendedahkan dalang di sebalik gabungan COMANGO tersebut. Terdapat sebanyak 54 NGO anti Islam yang bergabung dalam COMANGO ini dan antara tokoh yang didedahkan ialah Ambiga Sreenevasan yang merupakan Pengerusi BERSIH, Marina Mahathir yang merupakan ahli lembaga Sisters in Islam, Premesh Chandran yang merupakan Pengarah Eksekutif Malaysia Kini dan ramai lagi.

Di samping itu, ISMA juga mengambil langkah melancarkan kempen 'Sejuta Ummah Tolak COMANGO' yang dibuat pada 16 Disember 2013. Kempen tersebut

bertujuan untuk mengumpul respon dan suara rakyat untuk diserahkan kepada kerajaan. Petisyen ini menjadi bukti bahawa dakwaan COMANGO adalah palsu dan masyarakat menolak segala tuntutan kumpulan ini yang bertentangan dengan ajaran agama Islam (Aminuddin Yahaya 2013).

Menurut salah seorang pimpinan ISMA, umat Islam kini semakin keliru di dalam menilai siapa kawan dan lawan. Tuntutan-tuntutan golongan bukan Muslim dengan menggunakan slogan harmoni membuatkan umat Islam menjadi serba salah dalam memberi reaksi dan sikap. Mereka dibayangi bahawa jika tidak meraikan kehendak bukan Muslim, menjadi penghalang kepada keharmonian hidup. Di dalam Islam, kita meyakini bahawa keharmonian itu akan muncul setelah falsafah hidup dan sistem yang betul mendasari kehidupan bermasyarakat. Jadi, keyakinan daripada umat Islam amat penting supaya dapat disampaikan dengan baik kepada orang bukan Muslim (Muhammad Fauzi Asmuni 2011).

Perkara ini antara contoh pendekatan ISMA dalam dakwah di Malaysia ini khususnya berkaitan pendekatan terhadap golongan bukan Muslim yang dilihat menentang Islam itu sendiri. Slogan dakwah yang dipersembahkan oleh ISMA “Melayu Sepakat Islam Berdaulat” juga menampakkan bahawa pendekatan ISMA dalam melihat isu politik di Malaysia adalah kesatuan dan tumpuan dakwah kepada bangsa Melayu Muslim yang dianggap sebagai keutamaan yang perlu dibentuk dan difokuskan. Selain itu, slogan “Membina Umat Beragenda” secara tidak langsung menggambarkan sikap berhati-hati ISMA terhadap agenda bukan Islam yang sentiasa merancang untuk merosakkan akidah dan masyarakat Muslim khususnya di Malaysia. Perkara ini yang dapat menggambarkan pendekatan *rahmah* ISMA dengan sifat ketegasan dalam memegang prinsip di dalam Islam supaya tidak tergadai atau dipermainkan dengan hujah dan tafsiran yang salah berkaitan konsep *rahmah* di dalam Islam ini.

## KESIMPULAN

IKRAM dan ISMA merupakan gerakan dakwah yang dikenali masyarakat di Malaysia. Walaupun kedua-duanya membawa Islam sebagai tunjang perjuangan dan berdakwah ke arah Islam, namun IKRAM dan ISMA mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menilai isu politik semasa di Malaysia terutamanya terhadap isu berkenaan interaksi terhadap golongan bukan Muslim. Pengkaji melihat bahawa hal ini terjadi kerana masing-masing mempunyai ijthad yang berbeza terhadap sesuatu isu dan mereka membawa hujah-hujah berbentuk dalil-dalil yang tersendiri bagi mempertahankan pendirian tersebut. Walau bagaimanapun, penafsiran terhadap konsep *rahmah* yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dilihat tidak menyimpang

daripada konsep asal yang difahami dalam al-Quran dan Hadis. ISMA dan IKRAM bersetuju bahawa konsep *rahmah* adalah merupakan konsep besar yang ditekankan di dalam Islam dan hanya melibatkan isu kemanusiaan dan tidak melibatkan aspek akidah. Perkara ini jelas dalam pendirian ISMA dan IKRAM dalam mendekati golongan bukan Muslim di Malaysia. Namun pendekatan yang dilihat berbeza apabila berdepan dengan situasi politik di Malaysia khususnya melibatkan golongan bukan Muslim yang lantang dalam menyuarakan pandangan terhadap bukan Muslim yang menzahirkan perbezaan kedua-dua badan NGO tersebut. Walau bagaimanapun, aspek positif yang dilihat saling melengkapi antara ISMA dan IKRAM adalah sifat tegas yang wujud dalam pendekatan dakwah kedua-dua badan NGO ini dapat menzahirkan keseimbangan dalam mempersembahkan konsep *rahmah* yang bukan hanya semata dilihat aspek kasih sayang dan toleransi, tetapi juga ketegasan dalam memegang sesuatu prinsip yang wujud di dalam Islam ini.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di peringkat sarjana di samping memberi peluang untuk berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) melalui Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM – 2016-048) yang diketuai oleh Dr. Muhammad Arif Yahya.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Zaik Abdul Rahman. 2016. Gagasan perpaduan masyarakat melayu Islam. <http://www.ismaweb.net/2014/10/gagasan-perpaduan-masyarakat-melayu-islam/> [10 September 2016].
- Abdullah Zaik Abdul Rahman. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Bangi. Temu bual, 11 April.
- Aminuddin Yahaya. 2013. ISMA lancar kempen sejuta ummah tolak comango. <http://www.ismaweb.net/v4/2013/12/isma-lancar-kempen-sejuta-ummah-tolak-comango/> [10 September 2016].
- Anon. 2013. Wakil gabungan sertai muslim UPRo di Geneva. [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131013/dn\\_08/Wakil-Gabungan-sertai-Muslim-UPRo-di-Geneva](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131013/dn_08/Wakil-Gabungan-sertai-Muslim-UPRo-di-Geneva) [10 September 2016].
- Anon. 2013. Bimbang tuntutan comango. [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131117/dn\\_07/Bimbang-tuntutan-Comango](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131117/dn_07/Bimbang-tuntutan-Comango) [10 September 2016].

- Azril Mohd Amin. 2017. Isu-isu Hak Asasi Manusia di Mahkamah Syariah: Sorotan Literatur. *Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah*. Kertas kerja anjuran IAIS, JKSM, JAKESS, IKIM dan USIM, 29 Ogos.
- Burhanuddin Lukman. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Petaling Jaya. Temu bual, 15 Mac.
- Maznah Daud. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Shah Alam. Temu bual, 17 April.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. Uruf majmuk konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 8: 45-64.
- Mohd Firdaus Salleh Hudin. 2016. Henti salah guna konsep Islam agama rahmah rahmatan lil alamin. <http://www.ismaweb.net/2016/07/henti-salah-guna-konsep-islam-agama-rahmah-rahmatan-lil-alamin/> [14 September 2016].
- Mohd Hafiz Daud. 2013. *Non Muslim Menurut Kaca Mata Rasulullah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. 2015. Memacu *Perubahan Malaysia Rahmah Berasaskan Maqasid Syariah*, Ucapan Dasar Presiden Perhimpunan Tahunan IKRAM.
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Seri Kembangan. Temu bual, 15 Jun.
- Muhammad Arif Yahya. 2015. al-Manhaj al-Haraki dalam penulisan Sayyid Muhammad Nuh menurut perspektif hadith: Aplikasi dalam isu-isu semasa gerakan dakwah di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Fauzi Asmuni. 2011. *Melayu dan Islam*. Bangi: Abad Sinergi Sdn Bhd.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. 2001. *Mu'jam Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad bin Jarir al-Tabari. 2001. *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Quran*. Juzuk 16. Kaherah: Dar Hijr.
- Norazlan Hadi Yaacob. 2015. Gerakan Islam dan Penglibatannya Dalam Politik di Malaysia, 1982-2014: Kajian Terhadap Pendekatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jemaah Islamiyah Malaysia (JIM), Malaysia Indonesia Relations 9<sup>th</sup> International Conference, Universiti Negeri Yogyakarta, Yogyakarta.

Norsaleha Mohd Salleh. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Bangi. Temu bual, 25 April.

Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tajul Arifin Che Zakariah. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Seri Kembangan. Temu bual, 13 Jun.

Zaid Kamaruddin. 2017. Penggunaan hadith dalam gerakan dakwah di Malaysia, Seri Kembangan. Temu bual, 27 Mac.

